



26 SEP, 2023

Kerajaan masih tanggung RM10.8 bilion subsidi elektrik

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kerajaan masih tanggung RM10.8 bilion subsidi elektrik

KUALA LUMPUR - Terdapat penjimatan kira-kira RM4 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini yang melibatkan subsidi elektrik susulan langkah kerajaan untuk tidak lagi memberikan subsidi penuh kepada syarikat-syarikat besar yang menggunakan tenaga elektrik pada tahap tinggi mulai tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan II, Steven Sim Chee Keong berkata, kerajaan masih menanggung jumlah subsidi elektrik sebanyak RM10.8 bilion berbanding jumlah asal RM14.9 bilion.

Beliau berkata, pengurusan subsidi yang lebih bersasar dan mampan adalah menjadi keutamaan dalam memastikan perbelanjaan kerajaan dapat disalurkan kepada keperluan pembangunan yang dapat memberi nilai tambah lebih tinggi kepada ekonomi negara.

**PERSIDANGAN
DEWAN NEGARA**

“Kerajaan juga sedang mengkaji pelaksanaan pemberian subsidi bersasar berasaskan kepada model bersesuaian dan kebolehlaksanaan dengan mengenal pasti kaedah yang bukan sahaja berkesan, malah menjimatkan masa serta memberi implikasi kewangan paling minimum kepada kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan sidang khas Dewan Negara Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 di Parlimen pada Isnin.

Sementara itu, Steven berkata, dalam konteks menentukan penerima subsidi yang layak juga perlu dipelbagaikan kerana jenis subsidi dan golongan pengguna adalah berbeza.

“Penetapan kriteria kelayakan masih dalam penilaian kerana penting ia dikaji dengan teliti agar agihan sumber dibuat dengan lebih cekap dan mengurangkan kesilapan *exclusion* serta *inclusion*.”

“Satu pasukan petugas khas diwujudkan di bawah Kementerian Kewangan sedang mengkaji mekanisme pelaksanaan pemberian subsidi secara bersasar bersesuaian melibatkan semua kumpulan masyarakat baik B40, M40 mahupun T20 sama ada di bandar atau luar bandar,” jelasnya. - *Bernama*